

28/12/2000

Aidilfitri erat perpaduan (HL)

KUALA LUMPUR, Rabu - Umat Islam di seluruh negara hari ini menyambut Hari Raya dengan bersalam-salaman dan bermaaf-maafan sesama mereka sebagaimana yang diseru oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan Aidilfitrianya, semalam.

Dalam perutusan yang disiarkan melalui radio dan televisyen itu, Dr Mahathir menyeru umat Islam melupakan perselisihan faham dan permusuhan dalam agama dan politik, sekurang-kurangnya buat sehari pada hari raya menerusi amalan bersalam-salaman dan bermaaf-maafan sesama mereka.

Di ibu negara, Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah dengan diiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menunaikan solat Aidilfitri di Masjid Negara bersama rakyat jelata.

Turut menunaikan solat Aidilfitri ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa menteri dan duta asing.

Selepas itu, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, beberapa menteri Kabinet, Menteri Besar dan Ketua Menteri mengadakan majlis rumah terbuka masing-masing.

Sambutan Aidilfitri tahun ini agak unik kerana umat Islam merayakannya buat kali kedua pada tahun yang sama dan ia juga selang sehari selepas sambutan Krismas dan empat hari sebelum tibanya tahun baru 2001.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Mizan Zainal Abidin bersama pembesar negeri dan rakyat jelata bersembahyang raya yang diimamkan Mufti Terengganu, Syeikh Abdul Halim Abdul Kadir di Masjid Al-Muktafibilah Shah, di sini.

Sultan Mizan Zainal Abidin dan Permaisuri Nur Zahirah kemudian berkenan menerima rakyat menghadap di Istana Maziah, Kuala Terengganu hingga jam 10.30 pagi.

Menteri Besar, Abdul Hadi Awang pula mengadakan rumah terbuka di Kampung Rusila bermula jam 9.30 pagi hingga 4 petang.

Di KOTA BHARU, Sultan dan Raja Perempuan Kelantan, menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Muhammadi bersama rakyat jelata.

Sebaik selesai menunaikan solat itu, baginda berdua berangkat ke majlis menerima menghadap rakyat, di Istana Balai Besar yang terletak tidak jauh dari Masjid Muhammadi.

Baginda berdua berangkat menziarahi makam Diraja Langgar, di sini, kira-kira jam 10 pagi tadi, sebelum berangkat pada majlis jamuan bersama rakyat jelata, di Istana Negeri di Kubang Kerian.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat pula menunaikan solat Aidilfitri di Masjid Pulau Melaka dengan disusuli rumah terbuka.

Di PEKAN, Sultan Pahang, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Tengku Muda Pahang adalah antara ratusan umat Islam menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid At-Taqwa, di sini pagi ini.

Selepas itu, ribuan rakyat pelbagai kaum, terutama dari bandar diraja ini mengunjungi Sultan Pahang yang mengadakan rumah terbuka di Istana Abu Bakar.

Kira-kira 15,000 orang turut mengunjungi rumah terbuka Menteri Besar, termasuk Sultan Pahang dan Sultanah Pahang yang tiba jam 2.30 petang.

Di SHAH ALAM, Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah menunaikan solat Aidilfitri bersama lebih 5,000 umat Islam di Masjid Negeri.

Turut serta Menteri Besar Selangor, Datuk Dr Mohd Khir Toyo, beberapa anggota Exco Kerajaan Negeri serta ketua-ketua jabatan dan orang kenamaan termasuk bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Pemangku Raja kemudian berangkat mengadakan majlis rumah terbukanya di Istana Bukit Kayangan mulai jam 10.30 pagi sementara Menteri Besar pula di kediaman rasminya di Bukit Megawati dari jam 11 pagi hingga 3 petang.

Di MELAKA, Yang di-Pertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabudin serta Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam mengetuai lebih 10,000 umat Islam menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Al-Azim di Bukit Palah, bandar Melaka.

Yang di-Pertuan Negeri serta isteri Toh Puan Marfuza Sheikh Osman menerima kunjungan rakyat jelata di Istana Melaka di Bukit Beruang, sempena hari rumah terbuka antara jam 10 pagi hingga 1 tengah hari.

Ketua Menteri serta isteri, Datin Wira Asmah Abdul Rahman pula mengadakan rumah terbuka di kediaman rasmi di Seri Bendahara, Bukit Peringgit dari jam 10.30 pagi hingga 3 petang.

Di SEREMBAN, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Jaafar, menunaikan solat di Masjid Seri Menanti, Kuala Pilah, manakala Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad di Masjid Negeri di sini.

Tuanku Jaafar juga mengadakan rumah terbuka di Istana Besar Seri Menanti dan Mohd Isa di kediaman rasminya di Jalan Tasik di sini.

Di JOHOR BAHRU, umat Islam di sekitar bandar raya itu mengambil kesempatan mengunjungi rumah terbuka Sultan Johor di Istana Besar selepas menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Abu Bakar.

Sultan Johor dan Sultanah Johor turut menyampaikan sumbangan kepada rakyat jelata yang mengambil kesempatan bersalaman dengan baginda berdua.

Sementara itu, lebih 1,000 umat Islam termasuk kakitangan kerajaan berkunjung ke rumah terbuka Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman di kediaman rasminya di Saujana.

Di IPOH, Sultan Perak, Sultan Azlan Shah dan Raja Muda, Raja Nazrin Shah menyertai ribuan umat Islam menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Ubudiah di Kuala Kangsar.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Diraja Tajol Rosli Ghazali dan barisan anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Selepas menunaikan solat, Sultan Azlan Shah mengadakan rumah terbuka di Istana Iskandariah. Tajol Rosli dan isterinya, Datin Seri Kamariah Mokri mengadakan rumah terbuka di Dewan Bandaran, di sini.

Di GEORGETOWN, Yang di-Pertuan Negeri, Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir menunaikan solat Aidilfitri bersama ribuan umat Islam di Masjid Negeri, Jalan Air Hitam.

Sempena Aidilfitri juga Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmi Yahya turut mengadakan rumah terbuka di Balik Pulau bermula jam 11 pagi hingga 4 petang yang turut diserikan dengan kehadiran Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Di ALOR STAR, Sultan Kedah dan Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, bersama-sama rakyat menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Zahir.

Beribu-ribu rakyat daripada pelbagai bangsa kemudian mengunjungi rumah terbuka Sultan Kedah di Istana Anak Bukit dan kediaman rasmi Menteri Besar di Mentalon.

Di KANGAR, Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Perempuan berangkat menyertai ribuan rakyat jelata menunaikan sembahyang sunat Aidilfitri di Masjid Negeri, Arau.

Baginda kemudiannya berkenan menerima menghadap pembesar dan rakyat jelata di Istana Arau mulai jam 9.30 pagi hingga 11 pagi.

Di KUCHING, Pemangku Yang di-Pertuan Negeri Sarawak, Tun Abang Muhammad Salahuddin dan Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Jamek, Petra Jaya bersama 5,000 umat Islam.

Kedua-dua mereka mengadakan rumah terbuka secara bersama sempena Aidilfitri di Stadium Perpaduan, Petra Jaya.

Di KOTA KINABALU, Yang di-Pertuan Negeri, Tun Sakaran Dandai dan Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam, menyertai lebih 10,000 umat Islam bersembahyang sunat Aidilfitri di Masjid Bandaraya Kota Kinabalu di Likas, dekat sini.

Sakaran dan isteri, Toh Puan Siti Rukaiyah Panglima Abdullah, kemudian mengadakan rumah terbuka di Istana Negeri mulai jam 10 pagi.

(END)